

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

re-ico.com

Nor Aishah Binti Othman, Norfadzilah Binti Ishak & Nor Hasimah Binti Abd Rahman

Kolej Komuniti Temerloh, Bypass Bt 2 Jalan Temerloh, Kg Chatin Ulu, 28400 Mentakab, Pahang Malaysia

Abstrak

re-ico.com adalah nama yang digabungkan iaitu re iaitu *research* (penyelidikan), i ialah *innovative* (inovasi) dan co adalah *commercial* (komersil). Ketiga-tiga elemen ini adalah elemen yang terkandung dalam Unit penyelidikan, Inovasi dan Komersial. Tujuan laman web ini dibangunkan adalah bagi mencipta bahan bantu mengajar untuk membantu proses pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan baik dan lancar khususnya subjek Pembangunan Laman Web dan Kemahiran Insaniah. Bagi subjek Subjek Reka Bentuk Pembangunan Laman Web, pelajar dapat merujuk bagaimana untuk membangunkan sebuah laman web yang baik. Mereka dapat melihat contoh kod aturcara dan susun atur laman web ini sebagai panduan dalam membangunkan laman web. Kaedah pengurusan maklumat dalam kandungan laman web ini pula dapat dijadikan rujukan oleh pelajar bagi topik pengurusan maklumat khususnya. Selain itu juga, ia merupakan inovasi yang dibangunkan bagi menyelesaikan masalah pengumpulan dokumen dan maklumat yang berkaitan dengan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial. Unit ini telah menyediakan manual prosedur untuk rujukan pengguna. Semua maklumat yang diperlukan berkaitan dengan penyelidikan, inovasi dan komersial yang dihasilkan oleh staf dan pelajar dapat dimuatkan terus ke dalam borang yang telah disediakan dalam laman web ini. Justeru, dengan penghasilan re-ico.com proses pembelajaran dan pengajaran serta pengurusan maklumat dapat berjalan dengan baik, sistematik dan berkesan.

© 2020 Published by JOJAPS Limited

Kata kunci : *re-ico.com, capaian, pengurusan maklumat*

1. Pengenalan

Subjek Pembangunan Laman Web (STM2044) merupakan salah satu subjek yang wajib diambil oleh pelajar Program Sijil Teknologi Maklumat Semester dua (2). Begitu juga dengan subjek Kemahiran Insaniah iaitu (MPU 1231) yang perlu diambil oleh semua pelajar di Kolej Komuniti Temerloh samada Program Sijil Teknologi Maklumat, Program Sijil Penyenggaraan Bangunan, Program Sijil Pembuatan Perabot dan Sijil Fesyen dan Pakaian. Justeru, pelajar memerlukan alat bahan bantu mengajar bagi subjek tersebut. re-ico.com adalah nama yang dicipta oleh pembangunan laman web yang terdiri daripada re iaitu *research* (penyelidikan), i ialah *innovative* (inovasi) dan co adalah *commercial* (komersial). Ketiga-tiga elemen ini adalah elemen yang terkandung di dalam Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Kolej Komuniti Temerloh.

re-ico.com merupakan laman web yang dibangunkan sebagai rujukan bagaimana untuk membangunkan sebuah laman web yang baik. Pelajar dapat melihat contoh kod aturcara dan susun atur laman web ini sebagai panduan dalam membangunkan laman web. Kaedah pengurusan maklumat dalam kandungan laman web ini pula dapat dijadikan rujukan oleh pelajar bagi topik pengurusan maklumat khususnya bagi subjek kemahiran insaniah. Pensyarah juga dapat menggunakan inovasi re-ico .com sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas mereka.

Selain itu juga, re-ico.com digunakan bagi memudahkan pengguna untuk mengetahui, melihat dan membuat capaian mengenai maklumat dan perkhidmatan yang disediakan oleh pembangunan laman web tersebut. Justeru, pengguna terutamanya staf Kolej Komuniti Temerloh dapat membuat capaian dengan mudah berkaitan dokumen-dokumen yang diperlukan bagi memenuhi keperluan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Kolej Komuniti Temerloh.

2. Penyataan Masalah

- A) Pelajar kurang faham dan kurang minat bagi Pembelajaran dan Pengajaran subjek Pembangunan reka bentuk Laman web dan Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat
- B) Pengurusan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial sukar membuat capaian dokumen, pengurusan dokumen tidak sistematik dan tidak mempunyai garis panduan

3. Objektif inovasi

- i. Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk membantu pelajar memahami dengan lebih jelas Subjek Pembangunan Laman Web dan Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat.
- ii. Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk membantu pelajar meminati Subjek Pembangunan Laman Web dan Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat.
- iii. Memberi kemudahan kepada pengguna untuk mendapatkan hebahan maklumat dan dokumen dengan cepat, pantas dan berkesan.
- iv. Memastikan rekod Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial disimpan secara lebih sistematik, menjimatkan kos dan ruang penyimpanan.
- v. Memberi kemudahan kepada pensyarah Kolej Komuniti Temerloh untuk mendapatkan hebahan maklumat dan dokumen dengan cepat, pantas dan berkesan.

4. Ciri-ciri inovasi

- a) Capaian dokumen dan hebahan adalah cepat, pantas dan tiada sempadan.
- b) Mempunyai ciri-ciri keselamatan pada butang *log in*.
- c) Rekabentuk sistem adalah sistematik dan mudah difahami
- d) Paparan dan menu yang interaktif dan mesra pengguna
- e) Manual prosedur yang sistematik.
- f) Mengelakkan dari keciciran maklumat
- g) Menjimatkan masa dan kos
- h) Menghimpunkan data dan maklumat secara berpusat dan selamat.

5. Perbezaan antara proses yang berlaku sebelum dan selepas penghasilan re-ico.com.

Dalam pembangunan inovasi ini, terdapat perubahan berlaku dalam 3 proses seperti berikut:


Jadual 1 Perbezaan sebelum dan selepas penghasilan re-ico.com proses pembelajaran dan pengajaran bagi subjek Reka Bentuk Pembangunan Laman Web

1) Proses pembelajaran dan pengajaran bagi subjek Reka Bentuk Pembangunan Laman Web	
Sebelum	Selepas
Pensyarah mengajar dengan menunjukkan contoh reka bentuk laman web sebenar bagi laman yang telah tersedia di internet	<u>Bahan Bantu Mengajar (BBM)</u> Pensyarah dapat menunjukkan contoh reka bentuk laman web sebenar bagi laman web yang telah tersedia di internet dan dapat menunjukkan proses reka bentuk laman itu sendiri kepada pelajar. Ini bermaksud pensyarah dapat menunjukkan contoh asal bagaimana untuk menghasilkan laman tersebut.
Pensyarah menunjukkan contoh pendaftaran hosting dan domain syarikat penyedia perkhidmatan dan hanya dapat memberikan teori untuk kaedah pendaftaran tersebut.	<u>Bahan Bantu Mengajar (BBM)</u> Pensyarah dapat menunjukkan contoh kepada pelajar pendaftaran hosting dan domain syarikat penyedia perkhidmatan dan dapat menunjukkan bagaimana proses tersebut berlaku dalam keadaan sebenar.

Jadual 2 Perbezaan sebelum dan selepas penghasilan re-ico.com Proses pembelajaran dan pengajaran subjek Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat

2. Proses pembelajaran dan pengajaran subjek Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat	
Sebelum	Selepas
Pensyarah mengajar dengan memberikan contoh dan teori kaedah pengumpulan maklumat	Bahan Bantu Mengajar (BBM) Pensyarah mengajar dengan memberikan contoh sebenar bagaimana pengumpulan maklumat berlaku secara digital. Pensyarah dapat menunjukkan proses pengumpulan maklumat yang berlaku serta menunjukkan kaedah penyimpanan maklumat yang sebenar dengan lebih sistematik dan berkesan. Pensyarah memberikan platform kepada pelajar untuk mengakses maklumat untuk mendapatkan sumber maklumat dengan cepat dan pantas.

Jadual 3 Perbezaan sebelum dan selepas penghasilan re-ico.com proses penyebaran maklumat dan pengumpulan dokumen Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial

3. Proses penyebaran maklumat dan pengumpulan dokumen Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial	
Sebelum	Selepas
Dokumen dan pautan borang dihantar dalam aplikasi Telegram. Pensyarah perlu mencari pautan tersebut di dalam aplikasi ini apabila ingin mendapatkan borang tersebut. 	Orang awam hanya perlu pergi ke laman web re-ico.com untuk mendapatkan maklumat. Bagi warga KKTm pula, mereka perlu log masuk untuk mendapatkan segala dokumen dan pautan dengan pantas dan cepat 

6. Langkah-langkah penghasilan re-ico.com

Jadual 4 Langkah-langkah penghasilan re-ico.com


LANGKAH	PERKARA
Langkah 1	Mengenalpasti Masalah berdasarkan pemerhatian dan soal selidik pre 1) Pelajar kurang minat untuk belajar Subjek Pembangunan Laman Web dan Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat. 2) Pelajar tidak mendapat gambaran jelas tentang Subjek Pembangunan Laman Web dan Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat. 3) Dokumen sukar diperolehi 4) Pengurusan dokumen tidak sistematik
Langkah 2	Merancang rekabentuk sistem
Langkah 3	Merancang sitemap
Langkah 4	Analisis Keperluan Sistem : <u>Perisian:</u> • OS: Windows 10 • Website builder: wix.com • Talian Internet <u>Perkakasan:</u> • Komputer • Minimum 4GB RAM • Storage 256 GB. <u>Bahan-bahan:</u> • Dokumen-dokumen yang berkaitan • Link url Google form (Penyertaan pembentangan dan penyelidikan, produk komersial, inovasi dan penerbitan)
Langkah 5	Membangunkan re-ico.com
Langkah 6	Penggunaan Laman Web : • Bahan bantu mengajar • Pengurusan
Langkah 7	Soal selidik maklum balas pengguna
Langkah 8	Kemaskini laman web

7. Gambarajah Inovasi



Rajah 1 Gambar Inovasi website dan qr code

8. Kandungan sitemap website re-ico.com



Rajah 2 Sitemap website re-ico.com

9. Impak Inovasi

Berikut impak keberkesanan penggunaan inovasi re-ico.com :

- Sebagai bahan bantu mengajar kaedah pembangunan laman web bagi pelajar Sijil Teknologi Maklumat untuk subjek Pembangunan Laman Web.
- Sebagai bahan bantu mengajar kaedah pengurusan maklumat bagi pelajar untuk subjek Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat.
- Pensyarah dapat menggunakan laman web ini bagi menunjukkan contoh hosting dan domain.
- Pensyarah dapat merujuk kemahiran pengurusan maklumat yang disediakan dalam laman web ini untuk topik pengurusan maklumat dengan baik dan berkesan.
- Menyediakan maklumat dan hebahan informasi mengenai Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial KKTMM.
- Memudahkan staf mendapatkan pautan borang untuk penghantaran maklumat dan dokumen berbanding dengan kaedah sebelum ini.
- Fungsi capaian kepada *google form* hanya kepada warga kktm adalah ciri keselamatan yang ditambah di dalam re- ico. com untuk kawalan kepada penghantaran data.
- Menyediakan garis panduan kepada staf berkaitan dokumen Unit penyelidikan dan Inovasi KKTMM
- Google form* yang disediakan di dalam pautan re-ico.com dapat menjimatkan masa dan kos.
- Pelajar dapat merujuk kepada laman web ini untuk mendapatkan contoh kod aturcara dan cara susunatur bagi laman web.

10. Metodologi kajian

Bab ini membincangkan mengenai metodologi dan teknik penganalisan data yang digunakan dalam kajian ini. Tajuk perbincangan meliputi rekabentuk kajian, sampel kajian, pengukuran dan instrument kajian dan teknik penganalisan data. Untuk mencapai objektif kajian, data yang sesuai dan relevan akan dikumpulkan. Berikut adalah maklumat lanjut mengenai metodologi kajian:

10.1 Rekabentuk kajian

Reka bentuk kajian yang dikenal pasti bersesuaian dengan tujuan kajian ini ialah rekabentuk kajian kuantitatif.

10.2 Sampel kajian

Sampel kajian penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah sampel bertujuan (*purposive sampling*) iaitu sampel dipilih berdasarkan tujuan yang ingin dicapai. Ia terdiri daripada 58 orang responden iaitu 20 orang pelajar yang mengambil subjek Reka Bentuk Pembangunan Laman Web, 18 orang pelajar Subjek Kemahiran Insaniah dan 20 orang adalah orang awam penggunaan re-ico.com

10.3 Instrumen

Instrumen yang digunakan bagi kajian ini ialah menggunakan borang soal selidik. Menurut Majid Konting (2005: 21) penggunaan soal selidik membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang banyak dengan perbelanjaan yang sedikit. Alat ukuran yang digunakan dalam kajian ini merupakan tiga set soal selidik yang terdiri daripada soal selidik Pra iaitu pengajaran dan pembelajaran Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web dan Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat sebelum menggunakan re-ico.com, soal selidik pos berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Reka Bentuk Laman Web dan Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat selepas menggunakan re-ico.com dan soal selidik berkaitan dengan tahap keberkesanan penggunaan re-ico.com. Berdasarkan soal-selidik ini, penyelidik dapat mengetahui dan mengenalpasti tahap pengajaran dan pembelajaran Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web dan Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat sebelum dan selepas menggunakan re-ico.com.

11. Dapatan kajian

Dapatan kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data. Berikut merupakan Hasil dapatan maklum balas daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada pengguna

Jadual 5 Dapatan maklum balas Soal Selidik Pre dari pelajar Program Teknologi Maklumat untuk subjek Reka Bentuk dan Pembangunan Laman Web

Bil	Aspek yang dinilai	Soal Selidik Pre				
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya seronok apabila pensyarah mengajar Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	5%	0%	10%	50%	35%
2	Saya amat berminat untuk mempelajari Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	5%	0%	30%	35%	50%
3	Saya merasa yakin untuk menjawab soalan kuiz dan tugas subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	5%	0%	45%	40%	10%
4	Saya bersemangat untuk menjawab kuiz dan tugas bagi Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	5%	0%	30%	40%	25%
5	Saya mudah memahami Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	5%	0%	35%	50%	10%
6	Saya suka berbincang dengan kawan-kawan mengenai Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	5%	0%	20%	60%	15%
7	Saya mempunyai bahan bantu mengajar yang mencukupi bagi Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	5%	10%	25%	50%	10%
8	Saya mendapat gambaran jelas untuk membangunkan dan mereka bentuk laman web dengan lebih baik.	0	0	20%	40%	40%

Jadual 5 di atas menunjukkan bahawa setiap item terhadap maklum balas Soal Selidik Pre dari pelajar Program Teknologi Maklumat untuk subjek Reka Bentuk dan Pembangunan Laman Web menunjukkan pelajar sangat tidak setuju sebanyak 5%. Sebagai contoh "Saya seronok apabila pensyarah mengajar subjek Reka Bentuk dan Pembangunan Laman Web". Kajian ini menunjukkan bahawa sebelum menggunakan re-ico.com pelajar tidak seronok untuk belajar subjek Reka Bentuk dan

Pemban

gunan Laman Web.

Jadual 6 Dapatan maklum balas Soal Selidik Post dari pelajar Program Teknologi Maklumat untuk subjek Reka Bentuk dan Pembangunan Laman Web

Bil	Aspek yang dinilai	Soal Selidik Post				
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya seronok apabila pensyarah mengajar Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	0%	0%	0%	50%	50%
2	Saya amat berminat untuk mempelajari Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	0%	0%	5%	40%	55%
3	Saya merasa yakin untuk menjawab soalan kuiz dan tugas subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	0%	0%	5%	65%	30%
4	Saya bersemangat untuk menjawab kuiz dan tugas bagi Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	0%	0%	5%	55%	40%
5	Saya mudah memahami Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	0%	0%	0%	40%	60%
6	Saya suka berbincang dengan kawan-kawan mengenai Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	0%	0%	5%	35%	60%
7	Saya mempunyai bahan bantu mengajar yang mencukupi bagi Subjek Pembangunan Reka Bentuk Laman Web	0%	0%	0%	55%	45%
8	Saya mendapat gambaran jelas untuk membangunkan dan mereka bentuk laman web dengan lebih baik.	0	0	0	10%	90%

Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa setiap item terhadap maklum balas Soal Selidik Post dari pelajar Program Teknologi Maklumat untuk subjek Reka Bentuk dan Pembangunan Laman Web menunjukkan pelajar sangat setuju sebanyak 50%. Sebagai contoh “Saya seronok apabila pensyarah mengajar subjek Reka Bentuk dan Pembangunan Laman Web”. Kajian ini menunjukkan bahawa selepas menggunakan re-ico.com pelajar seronok untuk belajar subjek Reka Bentuk dan Pembangunan Laman Web

Jadual 7 Dapatan maklum balas Soal Selidik Pre dari pelajar Subjek Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat

Bil	Aspek yang dinilai	Soal Selidik Pre				
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya seronok apabila pensyarah mengajar Topik Pengurusan Maklumat	17.6%	11.8%	41.2%	23.5%	5.9 %
2	Saya amat berminat untuk mempelajari Topik Pengurusan Maklumat	29.4%	29.4%	17.6%	11.8%	11.8%
3	Saya merasa yakin untuk menjawab soalan kuiz dan ujian bagi Topik Pengurusan Maklumat	29.4%	35.3%	11.8%	11.8%	11.8%
4	Saya bersemangat untuk menjawab kuiz dan ujian bagi Topik Pengurusan Maklumat	29.4%	35.3%	11.8%	11.8%	11.8%
5	Saya mudah memahami Topik Pengurusan Maklumat	23.5%	23.5%	35.3%	5.9%	11.8%
6	Saya suka berbincang dengan kawan-kawan mengenai Topik Pengurusan Maklumat	29.4%	35.3%	11.8%	11.8%	11.8%
7	Saya mempunyai bahan bantu mengajar yang mencukupi bagi Topik Pengurusan Maklumat	17.6%	35.3%	11.8%	17.6%	17.6%
8	Saya mendapat gambaran jelas untuk mengurus maklumat dengan berkesan dan sistematik	17.6%	35.3%	29.4%	15.9%	11.8%

Jadual 7 di atas menunjukkan bahawa setiap item terhadap maklum balas Soal Selidik Pre dari pelajar subjek Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat menunjukkan pelajar sangat tidak setuju. Sebagai contoh sebanyak 17.6% “Saya mempunyai bahan bantu mengajar yang mencukupi bagi topik Pengurusan Maklumat”. Kajian ini menunjukkan bahawa sebelum menggunakan re-ico.com pelajar tidak mempunyai bahan bantu mengajar yang mencukupi.

Jadual 8 Dapatan maklum balas Soal Selidik Post dari pelajar Subjek Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat

Bil	Aspek yang dinilai	Soal Selidik Post				
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya seronok apabila pensyarah mengajar Topik Pengurusan Maklumat	0.0 %	0.0 %	11.8%	52.9%	35.3%
2	Saya amat berminat untuk mempelajari Topik Pengurusan Maklumat	0.0 %	0.0 %	17.6%	47.1%	35.3%
3	Saya merasa yakin untuk menjawab soalan kuiz dan ujian bagi Topik Pengurusan Maklumat	0.0 %	0.0 %	11.8%	64.7%	23.5%
4	Saya bersemangat untuk menjawab kuiz dan ujian bagi Topik Pengurusan Maklumat	0.0 %	0.0 %	17.6%	52.9.7%	29.4%
5	Saya mudah memahami Topik Pengurusan Maklumat	0.0%	0.0%	29.4%	47.1%	23.5%
6	Saya suka berbincang dengan kawan-kawan mengenai Topik Pengurusan Maklumat	0.0 %	0.0 %	17.6%	52.9.7%	29.4%
7	Saya mempunyai bahan bantu mengajar yang mencukupi bagi Topik Pengurusan Maklumat	0.0 %	0.0 %	29.4%	47.1%	23.5%
8	Saya mendapat gambaran jelas untuk mengurus maklumat dengan berkesan dan sistematik	0.0 %	0.0 %	41.2%	41.2%	17.6%

Jadual 8 di atas menunjukkan bahawa setiap item terhadap maklum balas Soal Selidik Post dari pelajar subjek Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat menunjukkan pelajar setuju. Sebagai contoh sebanyak 47.1% “Saya mempunyai bahan bantu mengajar yang mencukupi bagi topik Pengurusan Maklumat”. Kajian ini menunjukkan bahawa selepas menggunakan re-ico.com pelajar mempunyai bahan bantu mengajar yang mencukupi.

Jadual 9 Dapatan maklum balas pengguna laman web

Bil	Aspek yang dinilai	Soal Selidik				
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	re-ico.com dapat menyediakan semua maklumat, bahan dan dokumen yang berkaitan dengan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Kolej Komuniti Temerloh secara lebih terperinci	0.0%	0.0%	0.0%	30.0%	70.0%
2	re-ico.com dapat menyediakan hebahan informasi berkaitan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial KKTm dengan cepat	0.0%	0.0%	0.0%	50.0%	50.0%
3	re-ico.com dapat memudahkan pengguna mendapatkan maklumat dengan berkesan	0.0%	0.0%	5.0%	45.0%	50.0%
4	re-ico.com menyediakan maklumat yang lengkap kepada pengguna	0.0%	0.0%	0.0%	40.0%	60.0%
5	Kandungan re-ico.com adalah mencukupi dan sesuai	0.0%	0.0%	15.0%	35.0%	50.0%
6	re-ico.com dapat digunakan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) bagi Subjek Pembangunan Website	0.0%	0.0%	5.0%	40.0%	55.0%
7	re-ico.com dapat digunakan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) untuk Subjek Kemahiran Insaniah bagi Topik Pengurusan Maklumat	0.0%	0.0%	5.0%	40.0%	55.0%
8	Fungsi capaian kepada google form hanya kepada warga Kolej Komuniti Temerloh mempunyai ciri keselamatan di dalam re-ico. com untuk kawalan kepada penghantaran data.	0.0%	0.0%	5.0%	50.0%	45.0%

Jadual 9 di atas menunjukkan bahawa setiap item terhadap maklum balas pengguna Laman web re-ico .com menunjukkan setuju dan sangat setuju keberkesanan penggunaan re-ico.com. Sebagai contoh sebanyak 55% sangat setuju “re-ico.com dapat digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk subjek Reka Bnetuk Pembangunan Laman Web dan Kemahiran Insaniah bagi topik Pengurusan Maklumat”. Kajian ini menunjukkan bahawa selepas menggunakan re-ico.com dapat memberi manfaat dan kelebihan kepada pengguna.

12. Cadangan Penambahbaikan

Bagi memastikan inovasi ini dapat digunakan dengan lebih optimum, beberapa penambahbaikan boleh dilaksanakan selari dengan perubahan masa dan persekitaran. Di antara penambahbaikan yang boleh dibuat adalah:

1. Menyediakan laman yang membolehkan pensyarah KKTm memasukkan nota dan para pelajar boleh mendapatkan pautan nota tersebut di laman web ini.
2. Fungsi laman penerbitan di tambah baik lagi dengan memasukkan pautan bagi kajian dan penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh para pensyarah dan ini dapat menyebar luas lagi hasil kajian mereka.
3. Menyediakan bahagian pautan ke laman-laman web yang mempunyai perkaitan dengan UPIK. Sebagai contoh, syri, mendeley.com dan sebagainya.

13. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, re-ico.com dibangunkan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam proses pembelajaran dan pengajaran supaya berjalan dengan baik dan berkesan. Selain itu juga, re-ico.com adalah untuk menambah baik manual prosedur Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial agar staf dapat membuat capaian dengan mudah dan cepat. Selain itu juga, re-ico.com dibangunkan bagi memastikan kawalan keselamatan dokumen dalam warga Kolej Komuniti Temerloh terpelihara.

Rujukan

- Abu Bakar, Bhashah, Phd. (2007). *Kaedah Menjalankan Kajian Tindakan Di Sekolah*. Kuala Lumpur : Syarikat Miharja Sdn.Bhd.
- Mohd. Baharin, Omar Hisham. (2008) . *Nota Kuliah: Kajian Tindakan Dalam Pendidikan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sekaran, U. 2000. *Research Method for Bussiness: A Skill Approach*. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Zaidi Hj. Fadzil & Abu Bakar Hj. Hashim. (2003) . *Modul Pembangunan Diri 1*.Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti. KPTM.